

'Kami tak perlu lagi tunggu air pasang untuk ke laut'

Projek mendalamkan muara Sungai Tering beri kelegaan 30 nelayan pantai

8H 14/07/23 mis 21

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Pekan: Projek mendalam dan melebarkan muara Sungai Tering memberi kelegaan kepada nelayan Kampung Tanjung Batu kerana memudahkan mereka mencari rezeki.

Projek berkenaan kini giat dilaksanakan kontraktor yang akan memberi faedah kepada lebih 30 nelayan pantai di situ yang sudah lama menanti projek berkenaan kerana muara menjadi ceteck disebabkan hakisan pantai.

Nelayan, Rasid Ismail, 66, berkata sebelum ini mereka terpaksa mengejar waktu setiap kali keluar ke laut atau balik ke pangkalan ketika melalui muara itu kerana amat ceteck.

Katanya, kejadian hakisan pantai sudah lama berlaku di sepanjang pantai Kampung Tanjung Batu hingga ke Kampung Nenasi, sehingga merosakkan jalan serta kerugian harta benda penduduk setempat.

"Setiap kali ingin turun ke laut, kami harus memastikan air pasang dan begitu juga ketika ingin balik ke pangkalan, harus tiba di muara sebelum air surut.



kerja mendalam dan melebarkan muara Sungai Tering Kampung Tanjung Batu giat dijalankan.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

"Silap percaturan, bot terpaksa ditinggalkan jauh dari muara. Tindakan lain terpaksa kami lakukan ialah dengan cara menarik bot beberapa meter di atas beting pasir," katanya, di sini semalam.

Hakisan berterusan

Beliau berkata, air pasang besar dan ombak kuat setiap tahun, terutama musim tengkujuh menyebabkan hakisan berlaku secara berterusan.

Rasid berkata, nelayan di Kampung Tanjung Batu bersy-



Rasid Ismail

ukur apabila projek mengadakan pemecah ombak selain mendalam serta melebarkan muara Sungai Tering akhirnya menjadi kenyataan. Selepas ini nelayan boleh keluar ke laut dan balik pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu air pasang.

Rakannya, Mohamed Dol, 81, berkata Kampung Tanjung Batu antara lokasi pelancongan di daerah ini, sekiranya projek pemecah ombak tidak diadakan lebih banyak

hakisan berlaku dan memusnahkan kemudahan awam dan harta benda.

"Selain kawasan pantai yang menarik, di Kampung Tanjung Batu ada bukit yang dijadikan tempat melihat anak bulan pentuan berpuasa Ramadan dan menyambut Aidilfitri."

Projek pemecah ombak yang dapat mengawal hakisan pantai Kampung Tanjung Batu yang melanang belanja lebih RM50 juta itu dijadualkan siap sepenuh Mac 2026.

Projek dibawah Jabatan Pen- galiran dan Saliran Malaysia (JPS) turut membabitkan pembinaan tembok penahan tebing.